

# 45 pengakap SM Sains Labuan lulus Perkhemahan Ujian Kemajuan

**LABUAN:** Seramai 45 ahli pengakap Kumpulan 19 Sekolah Menengah Sains Labuan menyertai Perkhemahan Ujian Kemajuan Pengakap di Desa Tunas Hijau, Kampung Sungai Miri, Wilayah Persekutuan Labuan pada 6 hingga 8 Mac lalu.

Antara objektif perkhemahan ini diadakan adalah untuk mendapatkan lencana Kemajuan Usaha di samping menimba ilmu kepengakapan di kalangan ahli pengakap.

Perkhemahan ini adalah selari dengan perkembangan semasa yang semakin mencabar ini yang mana kece-

merlangan seseorang murid tidak hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata.

Menurut Pemimpin Kumpulan 19 Skip Dyana Martin, murid perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan yang mantap, berketetapan, pekerti yang mulia, dan berkebolehan menyesuaikan diri dengan era globalisasi.

"Ini merupakan ciri-ciri yang penting untuk dimiliki oleh setiap murid bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara," katanya.

Di samping itu, semua peserta perkhemahan perlu sentiasa menjunjung nilai

permuafakatan dalam melaksanakan setiap aktiviti yang dijalankan bagi mencapai kejayaan yang cemerlang, seperti kata pepatah 'bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat'.

Banyak aktiviti yang dijalankan sepanjang perkhemahan ini.

Antaranya adalah pengembaraan sejauh 8 km, masakan rimba, simpulan dan ikatan, kawad kaki, membuat gadget, dan Malam Pengakap.

Kesemua peserta telah melakukan aktiviti itu dengan jayanya.

Majlis perasmian penutupan disempurnakan oleh Pesuruhjaya Daerah Zon 2

Skip Roslan Musa.

Dalam ucapannya, beliau berbesar hati melihat para pengakap terus bersemangat dalam menjalankan aktiviti sepanjang perkhemahan ini.

Beliau juga berharap ahli pengakap akan meneruskan usaha mereka untuk mendapatkan lencana pengakap yang seterusnya.

"Saya berharap Kumpulan 19 SM Sains Labuan akan terus menjalani latihan kepengakapan sehingga mencapai darjah tertinggi iaitu Pengakap Raja," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pesuruhjaya Latihan Negeri Skip Rosni Mohd Daud.



**ALBUM:** Ahli dan pemimpin Pengakap Sekolah Menengah Sains Labuan yang menyertai Perkhemahan Ujian Kemajuan Pengakap di Desa Tunas Hijau, Kampung Sungai Miri, Wilayah Persekutuan Labuan pada 6 hingga 8 Mac lalu bersama Roslan Musa, Rosni Mohd Daud (duduk kiri) dan Dyana Martin.